

PINDAAN AKTA 355: ANTARA HARAPAN DAN REALITI

SHAMRAHAYU A. AZIZ

KULLIYAH UNDANG-UNDANG AHMAD IBRAHIM

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

Pembentangan di
*Seminar Kebangsaan Mahkamah Syariah 2017 –
60 Tahun Pasca Kemerdekaan: 'Menelusuri Cabaran,
Melestari Masa Hadapan'* anjuran IAIS pada 29
Ogos 2017, di IAIS

ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

- Perkara 3 – Islam sebagai agama Persekutuan
- 11(4) – Pengembangan agama/doktrin lain dalam kalangan orang Islam boleh disekat oleh undang-undang negeri
- 12(2) Bantuan kewangan kepada institusi Islam boleh diberikan oleh kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri
- 37/Jadual Ke-4 – Sumpah Yang di-Pertuan Agong untuk memelihara Islam
- 150(6A) – kedudukan undang-undang Islam semasa darurat terjamin

UNDANG-UNDANG ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

Islam adalah agama bagi Persekutuan

Islam adalah urusan negeri (dari segi pentadbiran dan undang-undang)

Institusi Islam di peringkat Persekutuan dan negeri bagi tujuan menyelaraskan pentadbiran Islam
(Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam di bawah Majlis Raja-Raja – MKI)

Hukum Syarak, Undang-undang peribadi dan Keluarga (24 perkara mal dan kesalahan berkaitan perintah agama Islam)

UNDANG-UNDANG ISLAM DALAM SKIM PEMBAHAGIAN KUASA DALAM PERSEKUTUAN

Undang-Undang Keluarga
(digabungkan dengan
Undang-Undang Peribadi)


Undang-Undang Peribadi
(24 perkara yang
disenaraikan di bawah
Senarai Negeri)

Undang-Undang Jenayah
(Kesalahan-Kesalahan
terhadap Perintah Agama
Islam; contoh kemuliaan
agama dan kesalahan
berkaitan akhlak)

Undang-Undang Islam hanya
terpakai ke atas orang-
orang Islam sahaja

Perbankan Islam, Kewangan
Islam dan Undang-Undang
Komersil - di bawah
Persekutuan

PENGGUBAL UNDANG-UNDANG



INSTITUSI-INSTITUSI ISLAM

Persekutuan

- Majlis Raja-Raja) Article 38
- Majlis Raja-Raja – Mempunyai peranan untuk memajukan amalan Islam ke seluruh negara
 - Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Islam (MKI)
 - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
 - (Urusetia MKI)
 - Menggalakkan keseragaman undang-undang di seluruh negara
 - JK Teknikal Undang-Undang Syariah dan Sivil
 - Majlis Fatwa Kebangsaan (ditubuhkan di bawah MKI)
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Negeri


- Sultan sebagai Ketua
 - Mufti
 - Majlis Agama Islam
 - Jabatan Agama Islam
 - Mahkamah Syariah
 - Jawatankuasa Fatwa

MAHKAMAH SYARIAH

- Mahkamah Negeri
- Urusan mahkamah Syariah hanya di peringkat negeri dengan bidang kuasa yang terhad
- Asasnya ialah Perkara 121(1A) dan Butiran 1 Senarai Negeri Jadual Kesembilan
- Bidang kuasa ke atas orang-orang Islam sahaja
- Hanya mendengar kes-kes yang melibatkan perkara berkaitan Islam dalam Senarai Negeri

BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH BERKAITAN KESALAHAN

- Dalam hal Undang-Undang Jenayah, Bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah tertakluk kepada
 - (i) Kesalahan-kesalahan terhadap perintah agama Islam
 - (ii) Hanya ke atas orang Islam
 - (iii) Hanya dalam Senarai Negeri – perkara yang ada di bawah Senarai Persekutuan hanya boleh dibuat dengan kelulusan Parlimen di bawah Perkara 76A
 - (iv) Hukuman hanya setakat yang ditentukan oleh Undang-Undang Persekutuan (Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Semakan 1988))



HIRARKI MAHKAMAH SYARIAH



Mahkamah Rendah

Bidang kuasa asal (Original Jurisdiction)
(bawah RM 50,000)
(Kesalahan yang dihukum bawah daripada
RM1000 atau bawah SATU tahun penjara)
Semua kes yang tidak dapat dinilai dengan wang

Mahkamah Tinggi

Bidang Kuasa Asal (Original Jurisdiction)
(RM50,000)

Bidang kuasa Rayuan

Penyeliaan (Supervisory Jurisdiction)

Kesalahan yang boleh dihukum dengan RM1000
denda atau pemenjaraan lebih daripada SATU
tahun

Semua kes yang tidak dapat dinilai dengan wang

Mahkamah Rayuan

Tiada bidang kuasa Asal (No
original Jurisdiction)

Mahkamah Rayuan

Mahkamah Paling tinggi

USUL PINDAAN AKTA


355 (RUU 355)



**Akta
355**

Akta
Mahkamah
Syariah
(Bidang Kuasa
Jenayah) 1965,

diluluskan
oleh Parlimen
pada tahun
1965.



**Objektif Akta
355**



**Mengesahkan bidang kuasa
hukuman Mahkamah
Syariah.**



**Menyeragamkan Hukuman
bagi kesalahan-kesalahan
yang dibicarakan di
Mahkamah Syariah**

Akta 355 adalah sebuah Akta yang



Memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah



Di Negeri-negeri



Mengenai kesalahan-kesalahan Hukum Syarak



- **Tajuk panjang & Mukadimah.**

“Suatu Akta untuk **memberi bidang kuasa kepada Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang - undang Negeri bagi maksud membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah hukum syarak.**

[Ihb April 1965]



MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

SEKSYEN I.TAJUK RINGKAS DAN PEMAKAIAN.

- (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai hanya bagi semua Negeri di Semenanjung Malaysia.

[Pin. Akta A 996:s.4]

SEKSYEN 2. BIDANG KUASA JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH.

- Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi **bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:**

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum **penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.**

SEKSYEN 3. PENGESAHAN.

- Segala kesalahan di bawah hukum Syarak yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini berhubung dengan Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia dan yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989 berhubung dengan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak telah dibicarakan oleh mana-mana Mahkamah yang disebut terdahulu hendaklah disifatkan telah dibicarakan dengan sah seolah-olah bidang kuasa yang berkenaan dengannya telah diberi kepada Mahkamah-Mahkamah tersebut oleh undang-undang Persekutuan.

[Pin. Akta A730:s.3]

CADANGAN PINDAAN I

- “2. Mahkamah syariah akan mempunyai kuasa ke atas seseorang penganut agama Islam dan di dalam hal-hal kesalahan di bawah perkara-perkara yang disenaraikan di dalam Butiran I Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan Undang-undang Persekutuan.”; dan

CADANGAN PINDAAN

- memasukkan selepas Seksyen 2 dengan seksyen berikut:
-
- “**2A** dengan menjalankan undang-undang jenayah di bawah Seksyen 2, Mahkamah Syariah berhak menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang Syariah berkaitan hal-hal kesalahan yang disenaraikan di bawah seksyen yang disebutkan di atas selain dari hukuman mati.

-
- **Seksyen 2 asal**
 - Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi **bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:**

Seksyen 2. Cadangan pindaan

Mahkamah syariah akan mempunyai kuasa ke atas seseorang **penganut agama Islam** dan di dalam hal-hal kesalahan di bawah **perkara-perkara yang disenaraikan di dalam Butiran I Senarai Negeri** di bawah Jadual Kesembilan Undang-undang Persekutuan.”; dan


Seksyen 2 asal

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum **penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.**

Seksyen 2A – Cadangan Pindaan

- **2A** dengan menjalankan undang-undang jenayah di bawah Seksyen 2, **Mahkamah Syariah berhak** menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang Syariah berkaitan hal-hal kesalahan yang disenaraikan di bawah seksyen yang disebutkan di **atas selain dari hukuman mati**

Pada Mei 2017, Ahli Parlimen Marang mencadangkan supaya pindaan dibuat kepada usul asal dengan memperincikan hukuman yang boleh dibuat oleh Dewan Undangan Negeri ialah



Antara harapan utama yang sering disebut kepada hasil pindaan ini ialah

Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa berkaitan hukuman yang lebih luas

Perundangan jenayah Syariah akan dapat dinaikkan martabatnya supaya lebih menghampiri atau mencapai jenis dan jumlah hukuman sebagaimana didapati dalam sumber perundangan Islam

Harapannya jua supaya undang-undang jenayah Syariah dapat menyumbang kepada pelaksanaan keadilan jenayah dan seterusnya menyumbang kepada kestabilan keadaan sosial masyarakat

Realiti dan Kemungkinan

TIDAK SEMUA NEGERI
BERSEDIA

KESAN

KETIDAKSERAGAMAN UNDANG-UNDANG

- Sekiranya pindaan kepada Akta 355 ini berlaku ia boleh dilaksanakan di negeri-negeri
-

- Bagi membolehkan mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman sebagaimana pindaan, undang-undang di negeri-negeri, hendaklah

```
graph TD; A[Bagi membolehkan mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman sebagaimana pindaan, undang-undang di negeri-negeri, hendaklah] --> B[Membuat kesalahan (tertakluk kepada syarat kuasa perundangan negeri)]; A --> C[Meletakkan hukuman (jenis dan jumlah)];
```

Membuat kesalahan
(tertakluk kepada syarat kuasa
perundangan negeri)

Meletakkan hukuman
(jenis dan jumlah)

- Oleh itu, sekiranya Akta 355 ini dipinda, pindaan hendaklah juga berlaku di Dewan Undangan Negeri bagi setiap negeri untuk menggantikan peruntukan asal berkaitan hukuman dengan peruntukan baharu.
- Sekiranya pindaan ini tidak dilakukan oleh DUN, pindaan ini tidak akan berkesan di negeri-negeri
- Sekiranya terdapat negeri yang meminda undang-undang masing-masing untuk menaikkan jumlah hukuman dan terdapat juga negeri yang tidak meminda,

Maka akan berlaku ketidakseragaman mengenai hukuman antara negeri

Sekiranya KETIDAKSERAGAMAN berlaku, ia akan mendatangkan kesukaran dalam pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah dalam kes-kes tertentu, terutamanya apabila kesalahan melibatkan dua atau lebih negeri

KETIDAKSERAGAMAN juga akan mendatangkan reputasi tidak baik kepada Mahkamah Syariah dan lebih teruk, perundangan Islam dipersalahkan

Masalah/cabaran KETIDAKSERAGAMAN ini boleh diselesaikan melalui tindakan pro-aktif Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syariah dan Sivil di peringkat Persekutuan, tetapi, oleh kerana pentadbiran Islam adalah urusan negeri, besar kemungkinan tindakan penyelarasan ini akan mengambil masa yang panjang. Contoh yang dapt kita lihat ialah menerusi pindaan 1984, terdapat negeri yang mengambil masa untuk pindaan. Itupun dalam keadaan pindaan pada tahun 1984 tidak melalui episod polemik seumpama cadangan pindaan Akta 355 pada 2016/2017

ASPEK-ASPEK PERSEDIAAN BAGI NEGERI-NEGERI



Contoh

PERSEDIAAN BAGI NEGERI-NEGERI

PINDAAN UNDANG-UNDANG SUBSTANTIF JENAYAH SYARIAH

PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG TATACARA – Membuat Kaedah-Kaedah tadbir urus Penyiasatan & Pendakwaan

PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN – Membuat Kaedah-Kaedah berkaitan Keterangan

SUMBER MANUSIA SEPERTI LATIHAN DALAM PERJAWATAN – HAKIM DAN PERSONEL PELAKSANAAN/ PENDAKWAAN

HIRARKI MAHKAMAH

PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR – Mahkamah dan Agensi Pelaksana (Pertingkat Skim guna sama dengan agensi Persekutuan PDRM/PENJARA)

PIHAK BERKAITAN – PEGUAM DAN PEMIMPIN MASYARAKAT YANG MEMPUNYAI KUASA UNDANG-UNDANG

PENUTUP

- Realitinya pindaan Akta 355 ini juga memerlukan gerak kerja yang menyeluruh bagi memastikan pindaan ini dapat mencapai hasrat yang diidamkan
- Bersekali dengan usaha yang lain seperti
- Menambahbaik perundangan, substantif, prosedur dan keterangan
- Memperkasa agensi-agensi dan personel berkaitan, seperti agensi penyiasatan, pendakwaan dan agensi berkaitan pelaksanaan hukuman seperti penjara
- Meningkatkan hirarki mahkamah
- Latihan hakim yang menyeluruh pada setiap peringkat dan lapisan
- Meningkatkan prestasi para peguam yang beramal di mahkamah Syariah

-
- Ramai yang mengharapkan pindaan ini sebagai membolehkan perundangan Syariah dapat dilaksanakan
 - Oleh itu, usaha-usaha yang dilakukan hendaklah berlaku secara serentak dan holistik; **NO TRIAL IN ERROR**